

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Tambahan
Sidang Akademik 1994/95

Mei/Jun 1995

JHH 454 - Sejarah Masalah Perburuhan Di Malaysia

Masa: [3 jam]

ARAHAN

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.
 2. Jawab EMPAT soalan. Setiap jawapan membawa markah yang sama. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

1. Apakah sebab-sebabnya Parti Komunis Malaya berjaya menyusupi gerakan buruh di Tanah Melayu pada tahun 1940-an? Adakah pengaruh kuat parti itu mencerminkan bahawa kaum buruh telah menerima ideologi komunis? (25 markah)
2. Bandingkan tahap kesedaran perburuhan yang dipaparkan oleh buruh India dan buruh Cina pada tahun 1920-an dan jelaskan punca-punca perbezaannya. (25 markah)
3. P.P. Narayanan berpendapat bahawa "politik dan gerakan kesatuan sekerja tidak boleh disatukan tanpa membawa kesan buruk kepada kepentingan buruh". Berdasarkan pengertian anda tentang sejarah buruh di Tanah Melayu antara tahun 1930 dan 1957, setujukah anda dengan pandangan beliau? (25 markah)
4. Mogok-mogok antara tahun 1936 dan 1938 telah mengubahkan sikap dan dasar kerajaan kolonial terhadap kaum buruh di Tanah Melayu. Bandingkan pendekatan yang digunakan oleh kerajaan kolonial untuk mengawal kaum buruh sebelum dan selepas mogok-mogok tersebut. (25 markah)
5. Salah satu punca kejayaan Pan-Malayan General Labour Union (PMGLU) ialah keupayaannya mendapat sokongan buruh yang berbilang kaum tetapi Malayan Trade Union Congress (MTUC) gagal dalam hal ini. Apakah sebab-sebabnya? (25 markah)
6. Huraikan bagaimana pergolakan pada tempoh Pendudukan Jepun telah melahirkan gerakan buruh India yang lebih aktif menjelang penghujung Perang Dunia Kedua. (25 markah)
7. Kesatuan sekerja "bertanggungjawab" mengikut definisi kerajaan kolonial hanya merangkumi kesatuan yang bertanggungjawab kepada kerajaan dan pihak majikan dan bukannya kepada kaum buruh. Berdasarkan pengalaman buruh di Tanah Melayu pada tahun 1940-an dan 1950-an, adakah pernyataan ini tepat? (25 markah)
8. Pada tahun 1948, kerajaan Tanah Melayu telah membuat beberapa pindaan terhadap Akta Kesatuan 1940. Apakah pindaan-pindaan ini dan mengapa ia dianggap perlu pada ketika itu? (25 markah)

oooOooo